



Headline : Deleum jangka dapat kontrak RM1 billion
 Media : Harian Metro
 Day/Date : 25 May 2012
 Page : 77
 Links :

Deleum get contract RM1 billion

Deleum jangka dapat kontrak RM1 bilion

PENYEDIA perkhidmatan khusus bagi industri minyak dan gas, Deleum Berhad dijangka mendapat kontrak RM1 bilion bagi tahun ini setelah mengemukakan cadangan bidaan sejak suku tahun ketiga tahun lalu.

Pengarah Urusan Kumpulan, Nan Yusri Nan Rahimy berkata, bidaan itu dibuat ke atas pelbagai projek bagi ketiga-tiga segmen perniagaannya iaitu perkhidmatan lapangan minyak, segmen kuasa dan jentera serta pembaikan dan penyelenggaraan penuh (MRO).

"Kontrak kami sehingga 2018 bernilai RM650 juta. Bidaan terbaru ini adalah bagi projek domestik di pelbagai lokasi," katanya kepada media selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Petaling Jaya, semalam.

Deleum mencatatkan keuntungan pracukai RM15.275 juta pada suku tahun pertama berakhir Mac lalu dengan perolehan RM82.77 juta.

"Bagi tahun ini, kami akan mengukuhkan pertumbu-



"Kontrak kami sehingga 2018 bernilai RM650 juta. Bidaan terbaru ini adalah bagi projek domestik di pelbagai lokasi"

>Nan Yusri Nan Rahimy

han MRO dan kini agresif memasarkan perkhidmatan ini bagi industri minyak dan gas. Manakala, perniagaan kuasa dan jentera serta perkhidmatan telaga minyak pada masa ini memasuki tempoh matang.

"Pertumbuhan segmen MRO akan diagihkan sama rata di segi pendapatan di kalangan ketiga-tiga segmen bagi tempoh jangka masa panjang," katanya.

Nan berkata, walaupun syarikat itu mencatatkan penurunan pertumbuhan perolehan sejak lima tahun lalu, syarikatnya terus mencatat-

kan pulangan keuntungan yang lebih baik setiap tahun.

Syarikat itu juga mengintai peluang melakukan penggabungan dan pengambilalihan dengan pihak-pihak berminat terutama bagi bidang teknologi baru, tetapi enggan mengulas lanjut.

Mengenai Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (Rapid) di Pengerang, Johor, Nan berkata, syarikat itu juga berminatmendapatkan sesetengah projek di dalam Rapid, khususnya yang berkaitan perkhidmatan.